

# Dr M sambut baik D.H 24 NOV 1993 pendirian Clinton

<sup>P</sup>  
KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan negara Asia Timur tidak mempunyai alasan enggan menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) berikutan kenyataan Presiden Bill Clinton, tidak menentang penubuhannya.

Ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen hari ini, Perdana Menteri mengalu-alukan pendirian Presiden Amerika Syarikat itu yang tidak akan menentang EAEC.

“Saya harap dengan ini, tiada lagi alasan bagi mana-mana negara di Asia Timur ini untuk tidak menyertai EAEC,” katanya.

Ditanya sama ada kenyataan Clinton itu akan mempengaruhi Jepun dan Korea Selatan menyertai EAEC, Dr Mahathir menjelaskan, perkara itu terpujang kepada pendirian kerajaan masing-masing.

“Tak tahulah. Kalau dulu kita berpendapat bahawa pihak Jepun dan Korea agak tidak senang dengan pendirian Amerika Syarikat menentang EAEC dan dengan itu mereka tidak menyertainya.

“Sekarang, terpujanglah kepada mereka. Alasan itu sudah tidak ada lagi. Tapi kita tak tahulah. Mungkin, mereka ada alasan lain,” katanya.

Dalam satu taklimat akhbar Ahad lalu ketika persidangan pertama pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Blake Island, Seattle, Amerika Syarikat, Clinton berkata, beliau tidak menentang penubuhan EAEC dan menyatakan hasratnya untuk menemui Dr Mahathir.

Menurut Presiden Amerika Syarikat itu, selagi EAEC dapat memperkembangkan kerjasama ekonomi serantau dan membuka peluang ekonomi kepada pihak lain, beliau tidak menentangnya.

Inilah julung-julung kali Clinton membuat kenyataan terbuka mengenai EAEC sejak beliau memegang jawatan Presiden Januari tahun ini. Presiden Amerika Syarikat sebelum beliau, George Bush pernah menolak inisiatif Asean itu.

Mengenai keinginan Clinton menemuinya, Perdana Menteri berkata: “Sebenarnya, sebelum mesyuarat di Seattle, saya sudah menjawab surat jemputan daripada pihak Clinton menyatakan kepadanya bahawa saya tidak dapat hadir di Seattle.

“Dan saya berharap, satu hari nanti, saya akan berjumpa dengan Clinton. Nampaknya, dia bersedia dengan kenyataannya itu untuk mengadakan perjumpaan,” katanya.